

02/04/1997

Aturcara lawatan padat

KOTA BHARU, Selasa - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, mempunyai aturcara padat, termasuk merasmikan kilang dan menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) sempena lawatan seharusnya ke Kelantan, Jumaat ini.

Perdana Menteri dijadual menyaksikan majlis menandatangani perjanjian di antara KUB Malaysia Berhad dan kerajaan Pas Kelantan bagi pembinaan projek Petrokimia di Pantai Senok, Bachok, sejurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa.

Penolong Pengarah (Gerakan) Jabatan Penerangan Negeri, Wan Omar Wan Ali, dalam kenyataan, di sini, hari ini, berkata selepas itu Dr Mahathir akan melawat kilang Ain Medicare, juga bertempat di Pengkalan Chepa.

Pada sebelah petang, beliau akan menyampaikan ucapan kepada pegawai Kerajaan Persekutuan dan negeri, ahli korporat, pemimpin masyarakat serta berdialog dengan mereka di Dewan Sri Pendekar, Wadi Sofia.

Perdana Menteri dijadual menemui Sultan Kelantan dan Raja Perempuan, selepas majlis dialog itu berakhir.

Satu sidang akhbar bersama beliau akan diadakan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, sebelum Perdana Menteri berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Lawatan beliau ke Kelantan adalah kesinambungan siri lawatan beliau ke seluruh negara.

(END)